

17.1.2019

KENYATAAN MEDIA
oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

CADANGAN SEMAKAN TARIF AIR PULAU PINANG TIDAK AKAN JEJASKAN FAEDAH UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH DAN RUMAH IBADAT

- **Skim PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin)**
- **“Kampung Loan” untuk Isi Rumah Berpendapatan Rendah**
- **Rebat untuk Rumah Ibadat**

PULAU PINANG, Khamis, 17.1.2019: Cadangan semakan tarif air Pulau Pinang TIDAK akan menjejaskan atau membebankan golongan berpendapatan rendah dan rumah ibadat.

Seperti yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan terus melaksanakan semua skim tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang berkaitan dengan bekalan air, pinjaman dan rebat di Pulau Pinang.

Komitmen CSR utama PBAPP meliputi:

| Penerima Manfaat | | Manfaat |
|------------------|--|---|
| 1 | Skim PPRT (Pendapatan Isi rumah RM790 sebulan atau kurang) | <i>Kategori 1: Tiada sambungan paip air</i> |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • 1 sambungan paip PERCUMA ke kediaman. |
| | | <i>Kategori 2: Sambungan paip sedia ada</i> |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Bekalan air PERCUMA sehingga 60,000 liter setiap kitaran (2 bulan) | |
| 2 | Kediaman Golongan Berpendapatan Rendah (Pendapatan isi rumah RM1,000 sebulan atau kurang) | <ul style="list-style-type: none"> • PINJAMAN TANPA FAEDAH SEHINGGA RM1,500 (dibayar balik dalam 50 ansuran melalui bil air) • PENGECUALIAN untuk sumbangan sesalur utama |
| 3 | Institusi Masjid, Gereja, dan Kuil | <ul style="list-style-type: none"> • KADAR TARIF Istimewa • REBAT RM5.00 untuk bil kurang |

| | | |
|--|--|--|
| | | daripada RM50.00 • REBAT RM10.00 untuk bil melebihi RM50.00 |
|--|--|--|

Pada tahun 2017, PBAPP memberi bantuan kepada 199 keluarga di bawah program PPRT, dengan jumlah kos sebanyak RM16,482.00.

PBAPP juga memberikan “*Kampung Loan*” berjumlah RM133,870.00 kepada 90 isi rumah berpendapatan rendah pada tahun 2017, untuk membayar penyambungan paip air.

Sementara itu, 1,788 masjid, surau, gereja, kuil Cina dan kuil India menikmati rebat berjumlah RM71,080.00 pada tahun 2017.

Semua manfaat CSR PBAPP ini akan diteruskan pada tahun 2019 dan pada masa hadapan.

Oleh itu, orang ramai TIDAK perlu diperdayakan oleh kenyataan yang mendakwa bahawa cadangan semakan tarif air Pulau Pinang akan menjejaskan atau membebankan golongan miskin tegar dan mereka yang berpendapatan rendah.

Subsidi Bekalan Air Domestik: Inisiatif CSR “Paling Mahal” PBAPP

Sejak tahun 1999, apabila ia dikorporatkan, PBAPP telah memberi subsidi untuk penggunaan air domestik untuk 35,000 liter pertama sebulan di Pulau Pinang. Pada 2017, subsidi ini memberi manfaat kepada 604,547 pengguna air domestik.

Dalam erti kata lain, PBAPP tidak pernah memperoleh keuntungan daripada membekalkan 35,000 liter air sebulan pertama untuk pengguna air domestik di Pulau Pinang.

Ketika ini, keuntungan PBAPP diperoleh terutamanya daripada penggunaan perniagaan dan penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan.

Malah, subsidi bekalan air domestik PBAPP adalah inisiatif kos tertinggi CSRnya di Pulau Pinang.

Pada 2017, PBAPP mengekalkan subsidi air berjumlah RM79.6 juta.

Bagi 2018, subsidi dianggarkan berjumlah RM83.6 juta.

Subsidi tahunan yang tinggi itu TIDAK mampan atau masuk akal, memandangkan PBAPP perlu meningkatkan dana mencukupi untuk projek pembangunan bekalan air bagi memastikan tiada catuan air pada masa akan datang.

Oleh itu, PBAPP memohon semakan tarif air untuk mengurangkan jumlah subsidi, dan untuk meningkatkan pendapatan daripada penggunaan perniagaan.

Langkah ini akan membolehkan PBAPP melaksanakan projek kejuruteraan bekalan air bernilai RM501 juta, untuk manfaat Pulau Pinang, untuk tempoh 2019 – 2021.

Orang ramai perlu sedar bahawa PBAPP akan terus memberi subsidi untuk penggunaan domestik 35,000 liter air pertama di Pulau Pinang, walaupun selepas cadangan semakan tarif.

Cuma, bezanya adalah bahawa jumlah subsidi akan berkurangan. Sila ambil perhatian bahawa selagi ada subsidi, PBAPP TIDAK BOLEH memperoleh keuntungan dari 35,000 liter bekalan air domestik pertama di Pulau Pinang.

Oleh itu, orang ramai TIDAK perlu diperdayakan dengan dakwaan atau khabar angin bahawa PBAPP membebankan golongan miskin tegar dan mereka yang berpendapatan rendah.

Terima kasih.